

## **IBADHIYAH MENURUT AHLI SUNNAH WA AL-JAMA<sup>C</sup>AH**

Mustafa Kamal Amat Misra

[mustafakamal@kuis.edu.my](mailto:mustafakamal@kuis.edu.my)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Abdull Rahman Mahmood, Jaffary Awang

Universiti Kebangsaan Malaysia

### **ABSTRAK**

*Sejarah perkembangan aliran akidah Islam memperlihatkan terbentuknya aliran-aliran seperti Khawarij, Syiah, Muktaizilah, Hasyawiyah dan 'Asya'irah disebabkan perselisihan konsep pemikiran dalam memahami sesuatu di samping mempertahankan ideologinya apabila dikritik oleh ideologi aliran lain. Aliran Ibadhiyah pula adalah pecahan daripada aliran Khawarij bahkan satu-satunya aliran yang (Khawarij) yang masih wujud hingga ke hari ini. Penilaian Sunni terhadap tahap akidah Ibadhiyah dinilai melalui beberapa sudut seperti fiqh dan akidah seperti al-Maruzi (510) dalam Sunnahnya, Al-Baghdadi (119), Ibrahim Abdul Latif (1:48) dan Ibtihaj (2001). Kelangsungan Ibadhiyah saban kurun dengan ditular pengaruh Asya'irah telah dikesan dalam beberapa karya akidah mereka seperti Qanatir al-Khairat karya al-Jitali dan Syarh Usul al-Din karya Atfaiysh menjadikan kajian terhadap Ibadhiyah abad 21 ini perlu sangat diperlukan. Kewujudan Ibadhiyah Maghrib seperti di Libya, Algeria, Maghribi dan Tunisia serta Ibadhiyah Masyriq seperti di Oman hari ini dengan kelangsungan hidup bersama masyarakat Islam sunni dalam banyak cabang kehidupan memerlukan penelitian terkini Ahli Sunnah terhadap akidah Ibadhiyah. Kajian ini cuba mengupas pandangan ulama' Ahli Sunnah Wa al-Jama<sup>C</sup>ah terhadap Ibadhiyah klasik dan kontemporari di samping menampilkan kenyataan tokoh-tokoh tersebut. Kajian ini mendapati kedudukan akidah Ibadhiyah hari ini telah melalui fasa perubahan yang lebih harmoni dengan akidah Ahli Sunnah Wa al-Jama<sup>C</sup>ah berbanding era lampau di samping penjustifikasian terhadap semua kritikan.*

**Kata kunci:** Ibadhiyah, Ahli Sunnah Wa al-Jama<sup>C</sup>ah

### **1. PENGENALAN**

Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan persepsi Ahli Sunnah wa al-Jama<sup>C</sup>ah terhadap Ibadhiyah. Oleh kerana Ibadhiyah adalah serpihan aliran daripada Khawarij menurut sarjana-sarjana Sunni, di samping terdapatnya aliran-aliran yang dikategorikan sebagai Ahli Sunnah Wa al-Jama<sup>C</sup>ah memerlukan artikel ini untuk merungkai sorotan sejarah perkembangan Khawarij, Ibadhiyah, Ahli Sunnah wa al-Jama<sup>C</sup>ah dan diakhiri dengan menampilkan pandangan-pandangan sarjana sunni terhadap Ibadhiyah.

### **2. DEFINISI AHLI SUNNAH WA AL-JAMA<sup>C</sup>AH**

Perkataan Ahli Sunnah Wa al-Jama<sup>C</sup>ah merupakan gabungan daripada tiga perkataan iaitu Ahl, Sunnah, dan al-Jama<sup>C</sup>ah. Ahl bermaksud keluarga, pengikut atau golongan (Muhammad Salih, 1987: 14). Sunnah pula bermaksud jalan atau perilaku, sama ada baik mahupun buruk (Manna' al-Qathhan, 2000: 13). Dari sudut istilah pula, Abu Jaib (1988: 29) mendefinisikan sunnah sebagai jalan yang dilalui oleh Rasulullah SAW dan para sahabat tanpa sebarang keraguan (yakin) dan hawa nafsu. Perkataan al-Jama<sup>C</sup>ah pula bermaksud keseluruhan umat Islam. Ini menunjukkan Ahl Sunnah wa al-Jama<sup>C</sup>ah adalah sebuah kumpulan majoriti kaum muslimin yang mempunyai keseragaman pegangan akidah Nabi SAW, para sahabat dan tabi<sup>C</sup>in serta atba<sup>C</sup> tabi<sup>C</sup>in. Ini selari dengan pandangan Sirajuddin Abbas (1998: 16) iaitu Ahli Sunnah ialah pengikut Sunnah Rasulullah SAW manakala Jamaah ialah pengikut yang berpegang dengan pegangan para sahabat Rasulullah SAW.

### 3. KRONOLOGI PENJENAMAAN AHLI SUNNAH WA AL-JAMA<sup>CAH</sup>

Kemunculan Ahli Sunnah wa al-Jama<sup>cah</sup> tidak dapat ditentukan secara tepat. Begitu juga dengan tokoh yang mula-mula memperkenalkan Ahli Sunnah wa al-Jama<sup>cah</sup> (Abdul Shukor, 1998:14). Walaupun peringkat awalnya, penggunaan istilah Ahl al-Sunnah Wa al-Jama<sup>cah</sup> bukanlah suatu yang rasmi atau fenomena. Buktinya Ia tidak dikenali walaupun pada era pemerintahan Bani Umaiyyah dan awal zaman Bani `Abbasiyyah. Namun menurut al-Syahrastani, istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama<sup>cah</sup> hanya timbul setelah berlaku gelombang pemikiran kalam apabila Abu al-Hasan al-Asy`ari memperhangatkan perbincangan isu-isu kalam setelah masyarakat Islam terlena dengan pemikiran Mukhtazilah pada era pemerintahan al-Ma`mun dan al-Mu`tasim. Ketika itu, jenama aliran yang lebih dikenali adalah *al-Sifatiyyah* iaitu aliran yang menetapkan sifat-sifat azali bagi Allah dan beransur berubah kepada al-Asy`ariyyah saban era (al-Syahrastani: 93).

Penjenamaan awal berkaitan Ahli Sunnah Wa al-Jama<sup>cah</sup> hanyalah al-Sunnah sahaja seperti dalam sebutan al-Asy`ari (320) menerusi karyanya *al-Maqalat al-Islamiyyin* apabila membicarakan pendapat-pendapatnya berkenaan akidah. Conothnya al-Asy`ari menyebutkan: *'Ini adalah sebahagian daripada pendapat (qaul) Ashab al-Hadith dan Ahl al-Sunnah'*. Begitu juga penamaan al-Sunnah dalam karyanya kitab *al-Ibanah fi al-Usul al-Diyanah*: *'Ini adalah pendapat (qaul) Ahl Haq wa al-Sunnah'*

Walaupun begitu, kedua-dua kenyataan tersebut tidak tertera perkataan al-Jama<sup>cah</sup>. Namun tokoh selepasnya mula menggunakan istilah *al-Jama`ah* selepas perkataan *al-Sunnah* seperti al-Baghdadi (304) dalam *al-Farq Baina al-Firaq* dan al-Syahrastani dalam *Milal Wa Nihal* (11). Istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama<sup>cah</sup> pada awalnya diberikan kepada aliran al-Asya`irah namun telah diperluaskan sehingga merangkumi mazhab fiqh dan lapangan-lapangan ilmu Islam yang lain.

Justeru, dari sudut konsep pemikiran dan amalan Ahli Sunnah Wa al-Jama<sup>cah</sup>, ianya telah wujud sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Namun, dari sudut penjenamaannya, ia dilihat mula diperkenalkan sekitar perkembangan metodologi al-Asya`irah.

### 4. ALIRAN-ALIRAN DALAM AHLI SUNNAH WA AL-JAMA<sup>CAH</sup>

Al-Baghdadi menyatakan Ahl al-Sunnah wa al-Jama<sup>cah</sup> boleh dikategorikan kepada adalah terdiri daripada lapan (8) golongan iaitu:

Pertama: Orang yang melazimi metodologi kalam *al-Sifatiyyah* iaitu metode yang menetapkan sifat-sifat Tuhan dengan tidak berkait dengan fahaman *tasybih*, *ta`til* (ingkar sifat-sifat Allah) pemikiran-pemikiran bid`ah seperti al-Rafidah, al-Khawarij, al-Jahmiyyah (muktazilah) dan al-Najjariyyah. Dalam isu kalam yang lain seperti melihat Allah (ru`yah) dengan mata pada hari akhirat, golongan pertama ini mengithbatkannya. Golongan pertama ini menunjukkan al-Asya`irah, al-Maturidiyah dan al-Hanabilah termasuk dalam Ahli Sunnah wa al-Jama<sup>cah</sup>.

Kedua: Para imam dalam fiqh, sama ada *Ahl al-Ra'y* mahupun *Ahl-al-Hadith* yang memegang metodologi aliran *al-Sifatiyyah* dalam persoalan pokok (usul) agama.

Begitu juga pendokong mazhab Imam Malik (Malikiyyah), Imam Syafi'e (al-Syaf'iyah), Imam al-Awza'e, Imam al-Thauri, Abu Hanifah (al-Ahnaf), Ibn Abi Laila, Imam Ahmad bin Hanbal (Hanabilah), Imam al-Zahiri dan seluruh ulama fiqh yang berpegang kepada metode *al-Sifatiyyah*. Golongan kedua ini merujuk kepada mazhab-mazhab fiqh hari ini selain mazhab Ja'fariyah dan mazhab Ibadhiyah.

- Ketiga: Mereka yang mengetahui saluran hadith (al-akhbar wa al-sunan) yang datang daripada Nabi SAW dengan mampu membezakan antara perngkhabaran yang benar mahupun palsu, mampu mengaplikasikan *al-Jarh wa al-Ta'dil* terhadap perawi di samping menghindari perkara bid'ah yang sesat. Justeru kelompk ini merujuk kepada aliran Ahli hadith dan Hanabilah.
- Keempat: Golongan yang yang memahiri lapangan ilmu kesusasteraan, nahu-saraf dan tokoh-tokoh bahasa seperti al-Khalil, Amru bin al-'Ala', Sibawaih, al-Farra', al-Akhfasy, al-Asmui, al-Muzani, Abu 'Ubaid dan semua ulama nahu, sama ada daripada aliran Kufah mahupun Basrah yang tidak terpengaruh dengan pemikiran al-Qadariyyah, al-Rafidah atau al-Khawarij. Mudahnya, golongan ini merujuk kepada sarjana bahasa dan Nahu dalam mentarjih permasalahan agama.
- Kelima: Mereka yang mengetahui pelbagai bentuk bacaan (qira'at) al-Qur'an, tafsiran-tafsiran ayat serta takwilannya yang bersesuaian dengan mazhab Ahl al-Sunnah.
- Keenam: Ahli-ahli zuhud dan golongan tasawwuf (mutasawwifin) yang giat beramal tanpa banyak bicara, di samping menetapkan Tauhid dan menafikan tasybih serta menyerahkan diri kepada Tuhan.
- Ketujuh: Mereka yang berada pada posisi pertahanan di kawasan orang-orang Islam untuk menjaga keamanan negara Islam dan mempertahankan serta memperkembang mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Golongan ini boleh dicontohkan seperti Salah al-Din al-Ayyubi yang berperanan memperkenalkan mazhab Ahli Sunnah bagi menggantikan pengaruh Syiah di Mesir.
- Kelapan: Rakyat sesebuah negara (al-A'wam) yang tunduk kepada penguasaan Ahl al-Sunnah, berpegang kepada pendapat ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan merujuk urusan-urusan agama kepada jawatankuasa agama (Qadhi) dan bertaklid dalam hukum-hukum furu' sama ada dalam perkara halal mahupun.

Berpandukan pembahagian kelompok al-Baghdadi tersebut, jelas menunjukkan kelompok Ahl Sunnah Wa al-Jama'ah sesuai dengan maknanya iaitu al-Jama'ah yang bermaksud majoriti Muslim.

Dalam konteks hari ini, pengkaji setuju dengan Ali Jum'ah (2005:14) yang berpendapat Ahli Sunnah Wa al-Jama'ah dapat difahami melalui tiga kelompok. Pertama, Ahli Hadis iaitu mereka yang berpegang dengan al-Quran, al-Hadis dan Ijmak. Kedua, Ahli Kalam iaitu Asha'irah dan al-Maturidiyyah dan Ketiga, Ahli Sufi. Definisi ini sesuai dengan polemik sesama aliran

Ahli Sunnah pada hari ini iaitu aliran yang mengekalkan metode ahli Hadis dengan penjenamaan baru iaitu salafiyah dan aliran Asya'irah Maturidiyah. Justeru, dokongan metodologi yang berbeza menghasilkan kefahaman dan konsep pemikiran yang tentunya berbeza. Kajian ini menganalisis pandangan aliran salafiyah dan Asya'irah terhadap Ibadhiyah.

## 5.0 IBADHIYAH: SOROTAN SEJARAH

Penulisan tentang Ibadhiyah lazimnya menunjukkan kaitannya dengan aliran Khawarij. Ini seperti pandangan Ahli Sunnah wa al-Jama'ah melalui pandangan beberapa tokohnya seperti al-Maruzi dalam *Taqrib al-Tahzib Sunnah*, Ahmad Muhammad Jali dalam *Dirasah 'an al-Firqah fi Tarikh al-Muslimin*.

Bermula dengan Khawarij yang awalnya adalah sebahagian pengikut dan penyokong Saidina Ali RA yang tidak setuju dengan tindakan baginda RA menerima keputusan usulan (tahkim) Abu Musa al-Asy'ari untuk melucutkan jawatan khalifah kerana siri perang Siffin yang berlarutan agak lama tanpa berkesudahan<sup>1</sup> (37/ 657M). Namun usulan tersebut tidak dapat diterima oleh sebahagian penyokong baginda RA tersebut dan kemudiannya bertindak memisahkan diri dengan tidak mengikut rombongan Baginda RA sebaliknya menempati sebuah penempatan yang bernama Harura. Kelompok tersebut kemudiannya digelar oleh penyokong Baginda RA lainnya sebagai Khawarij yang bermaksud orang yang keluar atau memisahkan diri<sup>2</sup>.

Mengikut faham Khawarij, tindakan Saidina Ali RA menerima usulan tersebut adalah salah dan dikategorikan sebagai dosa besar serta melayakkan Baginda dihukum bunuh sama seperti hukuman ke atas Muawiyah dan Amru al-'As kerana mengetuai kumpulan Muslim menentang Saidina Ali RA (Ibrahim, 2015: 190)<sup>3</sup>.

Antara individu yang tidak bersetuju dan berpihak kepada Khawarij tersebut adalah Abu Bilal Mirdas Ibn Udayyah al-Tamimi dan Jabir Ibn Zaid al-Azdi al-Umani. Sikap ketidak setujuan Mirdas kepada Saidina Ali RA mendorong beliau sekali lagi memerangi Baginda RA pada tahun berikutnya (38H/ 658M) dengan menyertai al-Muhakkimah (Khawarij generasi pertama) dalam perang Nahrawan. Namun penyertaan Mirdas dilihat tidak sepenuh hati melihatkan ramai para sahabat dan saudara seIslam yang terkorban. Beliau berpendapat, peperangan sesama Muslim tidak diperbolehkan. Justeru beliau bersama pengikutnya mengambil keputusan untuk berundur diri dari peperangan (Iwad, 1994: 5-6)

Mirdas kemudiannya mendiami Basrah dengan menyebarkan ideologinya dan dengan tegas menafikan kesamaannya dengan Khawarij keseluruhannya. Selain itu, beliau juga menggerakkan *fikrah* 'tidak memerangi orang yang tidak sama ideologi' dengan mereka dan gerakan ini mendapat sambutan daripada masyarakat sekeliling. Hubungan gerakan Mirdas senantiasa

---

<sup>1</sup> Perang Siffin berlaku hampir tiga tahun iaitu dari tahun 37H hingga 39H (657M – 659M) kerana tercetus sekali sekala dengan sentiasa ada rundingan tetapi rundingan terakhir dengan usulan Abu Musa al-Asy'ari untuk perlucutan jawatan khalifah.

<sup>2</sup> Terdapat juga gelaran Haruriah dikenakan sempena nama tempat yang di diami oleh kelompok tersebut.

<sup>3</sup> Kesungguhan usaha Khawarij ini terbukti apabila kumpulan ini menubuhkan kumpulan pembunuh untuk membunuh tiga individu iaitu Saidina Ali RA, Muawiyah dan Amru al-'As.

berbaur pertentangan dengan pihak pemerintah dengan kelompok individu Khawarij yang mendapat penindasan daripada Ibn Ziyad. Namun Khawarij juga menunjukkan sikap penentangannya dengan menggerakkan serangan terhadap Ibn Ziyad di bawah kelolaan Abbad Ibn Alqamah al-Mazini (panglima perang). Walaupun kecundang, namun pada siri serangan berikutnya, Abbad berjaya dibunuh oleh gerakan Khawarij di Kufah (Ma'ruf, 1994: 128-129). Menurut Iwad (1994), tiga tahun selepas kewafatan Mirdas, pengikut-pengikutnya mula terpecah kepada Sufriah dan Ibadhiyah (Khalifat: 8-9).

Gerakan yang telah diusahakan ini di teruskan oleh Jabir bin Zaid al-Azdi atau Abu Sha'ṭha' yang lahir pada tahun 18 hijrah (639 masihi)<sup>4</sup>. Jabir mendiami Basrah yang merupakan tempat perkembangan ilmu ketika itu. Kesempatan beliau berguru secara langsung dengan para sahabat dan tabi'in menjadikan beliau menguasai ilmu al-Qur'an, hadis dan bahasa arab serta kemudian menjadi tokoh rujukan yang masyhur. Kefaqihannya terbukti dengan penulisannya dengan judul *al-Diwan* yang terdiri daripada 20 jilid (Khalifat: 8-9). Watt (1973: 17) menyatakan Jabir telah menafikan keterlibatannya dengan gerakan ini seperti yang telah dinyatakan pengikutnya, namun terdapat dapatan-dapatan yang bertentangan dengan kenyataan Watt tersebut seperti Khalifat (20-24) yang menyatakan Jabir telah menyertai gerakan Ibadhiyah semasa era pemerintahan Ubaid Allah Ibn Ziyad di Iraq (56-64H). Begitu juga dengan bukti hubungannya dengan Mirdas semasa di Basrah. Keakraban hubungannya dengan Mirdas ditandai dengan tindakan Mirdas yang selalu mengambil keputusan penting setelah bermesyuarat dengannya (Ahmad Choirul, 2012: 364). Bahkan peranannya semakin menonjol selepas kewafatan Mirdas. Jabir wafat di Basrah pada tahun 93 hijrah (711M) selepas sekembalinya daripada Oman (dalam buangan) pada era al-Hajjaj ibn Yusuf kerana didapati melakukan siri gerakan penentangan terhadap pemerintah (Ahmad Jali, 1988: 74-75).

Tokoh seterusnya iaitu Abd Allah Ibn al-Ibadh juga memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan seterusnya dilihat sebagai tokoh yang memimpin gerakan ini pada era pemerintahan Marwan Ibn Muhammad, Khalifah terakhir Dinasti Umayyah tahun 126 hijrah hingga 132 hijrah (744-750M). Beliau termasuk tabi'in yang hidup semasa hayat Mu'awiyah dan Abd Allah Ibn Zubair. Hubungannya secara langsung dengan Jabir melalui proses pengajiannya dengan Jabir dan kekerapan mesyuarat dan perbincangan ilmiah. Iwad (1994) menyatakan penamaan Ibadhiyah adalah nisbah kepada beliau kerana beliau adalah pengasas gerakan Ibadhiyah<sup>5</sup>. Ketokohan Ibn Ibadh juga boleh dilihat daripada usahanya meyakinkan khalifah Abd al-Malik bin Marwan menerusi dua perutusan surat menyatakan ketidaksamaan alirannya dengan ideologi Khawarij yang ketika itu bersikap radikal terhadap pemerintah. Keterlibatan beliau dalam banyak siri dialog dan perdebatan mewakili masyarakat Ibadhiyah dengan masyarakat setempat yang non Ibadhiyah juga menjadikan masyarakat awam Ibadhiyah lebih mudah mengenal beliau sebagai tokoh dan pemimpin gerakan Ibadhiyah (Adun Jahan, t.th).

<sup>4</sup> Jabir berasal daripada suku Yahmad di Oman, kadang kala digelar al-Jawfi al-Basri kerana lama tinggal di Basrah selain al-Azdi.

<sup>5</sup> Ahmad (1988) menyatakan Ibadhiyah mula dimasyhurkan pada abad ketiga hijrah. Namun pengithkatan nama bagi gerakan mereka sebelum itu adalah Ahl al-Istiqamah atau Ahl al-Da'wah. Walaupun Ibadhiyah dinisbahkan kepada Ibn Ibadh, namun peletak dasar fikrah aliran ini adalah Jabir Ibn Zaid al-Azdi dan boleh dikatakan sebagai *ta'sis haqiqi*. Walaubagaimanapun peranan Ibn Ibadh juga tidak kurang pentingnya iaitu sebagai tokoh yang bertanggungjawab terhadap aktiviti penyebaran gerakan dakwah Ibadhiyah hingga melampau perbatasan wilayah lain (Khalifat: 9).

Selain itu, terdapat juga tokoh Abu Ubaidah Muslim ibn Abi Karimah al-Tamim<sup>6</sup> yang dilihat sebagai individu yang berperanan penting dalam penyebaran dan kelangsungan ideologi Ibadhiyah di luar Basrah. Peranan beliau dilihat apabila ideologi Ibadhiyah tersebar di Magrib (al-Jazair) dan Hadramaut dengan usahanya secara langsung melonjakkan namanya sebagai *Rijal Fikr al-Din* (imam dan rujukan). Bahkan, kelangsungannya hingga tertubuh kerajaan Rustamiyah dipimpin oleh Abd al-Rahman bin Rustam yang juga merupakan anak muridnya.

## 6. IBADHIYAH MENURUT SARJANA SUNNI

Aliran al-Ibadhiyah pula tercambah kepada beberapa aliran dengan dokongan ideologi masing-masing dan ini adalah satu-satunya aliran Khawarij yang masih wujud hingga kini. Penilaian terhadap tahap akidah Ibadhiyah dinilai melalui beberapa sudut seperti fiqh dan akidah. Seperti dari sudut fiqhnya, al-Maruzi (510) berpendapat di dalam *Sunnahnya*, Ibadhiyah mengingkari beberapa hukum yang diistibab daripada hadith kerana dilihat terdapat percanggahan dengan zahir nas menurut mereka. Seperti permasalahan menyapu khuf semasa berwuduk, ia dianggap tidak wudu' (Ahmad Muhammad Jali; 78).

Terdapat satu aliran daripada ahli hawa' dan bid'ah daripada aliran Khawarij dalam permasalahan menyapu khuf, mereka menyangka keharusan tersebut adalah khilaf daripada memahami nas. Sesiapa yang mengingkari nas tersebut, lazimnya akan mengingkari apa yang difatwakan daripada sunnah nabi. Demikian juga mereka dilihat sebagai telah terkeluar daripada Islam (al-Maruzi.).

Ibtihaj (2003) turut menyatakan percambahan Ibadhiyah kepada dua aliran iaitu Yazidiah dan al-Harithah. Menurut al-Baghdadi (1982:) dalam *al-Farq baina al-Firqah*, Yazidiah dipimpin oleh Yazid bin Abi Anisah atau Yazid bin Anisah, fatwa Yazidiah tentang pengutusan Nabi dari kalangan *ajam* dengan memansuhkan ajaran Nabi SAW dan meyakini agama tersebut adalah *al-Sabi'un* seperti firman Allah dalam al-Qur'an menjadikan aliran ini dihukum kafir oleh ulama' Sunni seperti al-Sam'ani dalam *al-Ansab*:

الخوارج أصدناف أكفر من هؤلاء

Al-Baghdadi (119) dalam banyak karyanya seperti *al-Farq Baina al-Firqah* menegaskan, Yazidiah adalah cambahan daripada Ibadhiyah bahkan tidak termasuk dalam kumpulan Muslimin kerana ideologi mereka yang melampau seperti fatwa pengutusan nabi baru tersebut. Bahkan, dalam bahagian yang lain, al-Baghdadi meyakini Yazidiah daripada Ibadhiyah dan Maimuniah daripada Ajaridah terkeluar daripada manhaj Islam.

Ibrahim Abdul Latif (1:48) juga memutuskan tentang kekafiran Ibadhiyah dalam menjawab pertanyaan yang diaju kepadanya. Beliau menyatakan, Ibadhiyah mutaakhhirin (kini) adalah kafir kerana mereka bukanlah Ibadhiyah yang bermanhajkan seperti manhaj Ibadhiyah generasi awal mereka, malahan sudah terserap manhaj fahaman Jahmiyah (Muktazilah) dengan sangkaan

<sup>6</sup> Beliau pernah dipenjarakan bersama-sama Jabir bin Zaid al-Azdi kerana membuat penentangan terhadap al-Hajjaj.

Allah tidak dilihat pada hari akhirat, menyembah perkuburan dengan doa untuk para wali dan orang-orang soleh dengan disertai sembelihan untuk hidangan makhluk jin, menolak i'tikad tentang syafaat, mizan, azab dan nikmat kubur,

*Imam yang mengkafirkan Jahmiah, kuburiah Ibadiyah, adalah sah solat berimamkan mereka.* Ini bermaksud tidak solat berimamkan orang yang tidak menganggap perbuatan mereka sebagai kafir atau hanya sekadar ragu-ragu tentang tahap kesahan akidah mereka. Begitu juga al-Dibsi (t.th: 27) menyatakan Ibadiyah adalah aliran (kumpulan) keenam daripada khawarij, wajib menganggap mereka kafir kerana mereka mengkafirkan Saidina Ali RA dan Saidina Uthman RA.

Namun apabila diteliti penulisan sarjana sunni dalam posisi yang lain, ternyata ia sudah melalui beberapa fasa perubahan. Seperti dalam konteks permasalahan musyrik, aliran ini dilihat berbeza dengan aliran-aliran Khawarij sebelumnya. *Al-Ibadiyah* tidak menghukumi musyrik kepada orang yang tidak mengakui keabsahan doktrinnya melainkan tidak mukmin. Mereka mengistilahkan sebagai kafir. Namun ia bukan kafir seperti yang difahami oleh Ahli Sunnah dan aliran-aliran Khawarij yang lain, bahkan kafir dengan ni<sup>c</sup>mat Allah (كفر بالنعمة).

Dalam konteks *Dar al-Harb* pula, *Ibadiyah* sedoktrin dengan al-Shufriyah iaitu berpendapat wilayah orang selain *Ibadhiyah* adalah wilayah tauhid dan Islam (Al-Shahrastani:134). Ini bermaksud pengakuan *Ibadhiyah* terhadap kebenaran akidah orang selain *Ibadhiyah* menjadikan doktrin mereka mengharamkan peperangan dan pembunuhan terhadap orang selain *Ibadhiyah* secara langsung membezakannya dengan aliran *al-Azariqah*. Ini juga meliputi pengharaman terhadap perampasan harta rampasan perang (Ghanimah) daripada pihak musuh kecuali peralatan perang (kuda dan senjata). Namun dalam konteks tentera pemerintah, *Ibadhiyah* sependapat dengan aliran-aliran Khawarij yang lain iaitu boleh menerima kekhalifahan Saidina Abu Bakar RA dan Saidina Umar RA namun tidak menerima kekhalifahan Saidina Uthman RA (pasca kedua) dan Saidina Ali RA (pasca tahkim) (al-Isfarayini, 1988: 86) kerana dianggap sebagai pelaku dosa besar (Andrew Rippin dan Jan Knappert, 1986: 16). Ini sesuai dengan prinsip mereka yang mengatakan *imamah* adalah suatu kewajipan dan perlu dilaksanakan oleh pemimpin hanya apabila memenuhi syarat.

Bukti keterbukaan *Ibadhiyah* terhadap doktrin aliran-aliran lain menunjukkan penerimaannya dalam urusan kesaksian. Keterbukaan ini menjadikannya doktrin yang moderat *intra-doctrine* dan *inter doctrine* hingga mengharuskan pernikahan dan perwarisan harta pusaka sesama Khawarij mahupun Ahli Sunnah wa al-Jama<sup>c</sup>ah.

### **6.1 Keakraban Manhaj Ibadhiyah dengan Ahl Sunnah wa al-Jama<sup>c</sup>ah**

*Ibadhiyah* adalah aliran daripada Khawarij yang paling akrab dengan Ahli Sunnah wa al-Jama<sup>c</sup>ah dengan lebih terbuka (muktadil) dari sisi pemikiran dan manhajnya jauh daripada sifat *ghuluw* serta mempunyai susur galur fiqh yang baik di samping ulama'-ulama'nya yang cemerlang (Muhammad Abu Zahrah. 1948). Ini disokong oleh Hasan Ibrahim Hasan dengan menyatakan *Ibadhiyah* berbeza dengan aliran-aliran Khawarij yang lain dengan tidak melampau dalam menghukumi perkara-perkara yang menyalahi manhaj mereka.

Nuruddin (2011: 57) membuktikan keakraban *Ibadhiyah* dengan Ahli Sunnah dalam banyak keadaan dan sedikit perbezaan dari sisi pandangan fiqh seperti kewajipan *wasiyah* dan keharusan *wasiyah* untuk waris.

Namun, keakraban tersebut dilihat telah berlaku lebih awal. Seperti sarjana Ibadhiyah yang dilihat mengambil pengaruh sarjana Sunni dalam pengajian mereka. Terkesannya al-Jitali dengan al-Ghazali boleh dinilai dengan penulisan karyanya *Qanatir al-Khairat* dengan karya *Ihya' Ulum al-Din*. Bahkan al-Jitali tersebut dijuluki dengan julukan *Ghazali Maghrib*. Dan lagi pengaruh al-Sanusi dan karyanya *Umm al-Barahin* terhadap Amuhammad bin Yusuf Atfaiysh dan karyanya *Syarh usul al-Din*. Pengkaji melihat, kedua-dua tokoh ini dan mempunyai jasa besar dalam mencorak dasar akidah Ibadhiyah secara tindak langsung menampilkan *Ibadhiyah Masyriq* yang mempunyai tafsiran dan pegangan lebih hampir dengan Asya'irah berbanding *Ibadhiyah Maghrib* yang cenderung dengan Muktazilah dan Zaidiyah.

## 7. KESIMPULAN

Pengenalan awal terhadap perkembangan aliran-aliran Khawarij dapat memberikan tanggapan awal terhadap aliran Khawarij khususnya *Ibadhiyah* yang masih dipegangi oleh kelompok kecil Muslim Afrika dan Oman di samping dapat mengelak budaya *takfir* yang daripada pihak yang kurang mempunyai maklumat tentangnya serta membantu mempercepatkan kesatuan umat Islam walaupun tergantung kepada metodologi masing-masing untuk memahami dan mengamalkannya.

Keakraban Ibadhiyah dan Asya'irah dari segi manhaj akidahnya ditandai dengan perkembangan teologi kalam Ibadhiyah yang ditarjih semula dengan oleh ulama' Ibadhiyah dengan mengambil banyak pandangan tokoh-tokoh Asya'irah seperti al-Jitali yang mengambil pandangan al-Ghazali sehingga karyanya *al-Qanatir al-Khairat* yang dilihat mirip karya *Ihya' al-Ulum al-Din*. Dan lagi tokoh Atfaiysh (1882M) yang merujuki karya al-Sanusi *al-'Aqidah al-Kubra*.

## 8. RUJUKAN

- Abu Zahrah, Muhammad. 1948. *Al-Sufri Hayatuh wa 'Asruh Ara'uh wa Fiqhuh*. Al-Qaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi
- Ahmad Choirul Rofiq. 2012. Moderasi Khawarij Ibadhiyah. dlm. *Al-Tahrir* Vol 12. November 2012: 360
- Ahmad Muhammad Jali. (t. th). *Dirasah 'an al-Firqah fi Tarikh al-Muslimin* (al-Khawarij wa al-Syiah). Al-Qaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi
- Al-Baghdadi, Abd al-Qahir b. Tahir. 1977. *Al-Farq Baina al-Firqah*. Cet 2. Beirut: Dar al Afaq al-Jadidah.
- Al-Baghdadi, Abu Mansur 'Abd al-Qahir Ibn Tahir al-Tamimi. 1928. *Kitab Usul al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Baqillani, Abu Bakr al-Tayyib. 1957. *Kitab Tamhid*. Tashih Richard J. Mc Carthy, S. J. Beirut: al-Maktabah al-Syarqiyyah
- Al-Baqillani, Abu Bakr al-Tayyib. 1963. *Al-Insaf Fi Ma Yajib 'Itiqaduh Wa La Yajuz al-Jahl Bih*. Tahqiq Muhammad Zahid al-Kawthari. Kaherah: Muassasat al-Khanji
- Al-Dibsi, Mahyuddin. (t. th.) *Risalah fi al-Firqah al-Shi'ah wa al-Khawarij wa Tafkir Ghulatihim*. 'Abdul Kafi. Al-Maujiz. Jil 1.



- Babawa Omar Hudair bin Bakir. 2001. *Ismail bin Musa al-Jitali Wa Ara'uhu al-Kalamiah*. Disertasi Sarjana. Ghardabah: Jami'ah al-Jaza'ir
- Ibrahim Abu Bakar. 2015. *Ilmu Kalam Paucis Verbis*. Ed Ke-2. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Iwad Muhammad Khalifat. 1994. *Al-Usul al-Tarikhiyah li al-Firqah al-Ibadhiyah*. Oman: Wizarah al-Turath al-Qaumi wa al-Thaqafah.
- Ma'ruf, Nayif Mahmud. 1994. *Al-Khawarij Fi al-Asr al-Umawi*. Beirut: Dar al-Ta'liyah.
- W. Montgomery Watt. 1973. *The Formative Period of Islamic Thought*. Edinburg: Edinburg University Press
- Isfarayini, Tahir b. Muhammad Abu al-Muzaffar. 1983. *Al-Tabsir fi al-Din wa Tamyiz al-Firqah al-Najiah*. Tahqiq Kamal Yusuf al-Hut. Cet 1. Lubnan: 'Alim al-Kutub.
- Al-Jitali. 1976. *Qawa'id al-Islam*. Tashih wa ta'liq bi Kulli Abd. Rahman. Ghardabah: Matba'ah al-Arabiah
- Kamaluddin Marjuni. 2011. *Al-Mazahib al-'Aqa'id al-Islamiyah, Nasy'atuha wa Tatauwuruha wa Qadayaha al-Ibadiyah al-Mu'tazilah al-Asya'irah al-Maturidiah al-Zahiriah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Al-Maruzi, Muhammad b. Nasir. 1408h. *Al-Sunnah*. Tahqiq Salim Ahmad Salafi. Cet 1. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiah.
- Al-Sha'lan, *Ibtihaj Binti Abdullah*. 2013. *Aqwal A'imma Ahl al-Sunnah fi al-Hukm 'Ala al-Khawarij*. Riyadh: Dar al-Sa'imi
- Al-Dusuki. 1985. *Hasyiah al-Dusuqi 'Ala Syarh al-Kabir*. 1/77. Beirut: Dar al-Fikr